

# **LAPORAN PROJEK INOVASI JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR 2018**

---

## **1.0 TAJUK PROJEK**

### **PENDAFTARAN PEDAGANG (TRADERS) TERNAKAN RUMINAN SELANGOR - PETERS**

## **2.0 PENGENALAN**

Sistem pendaftaran yang diwujudkan bagi memastikan semua pedagang ternakan ruminan di negeri Selangor didaftarkan di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor. Tujuan pendaftaran pedagang ini adalah bagi mempercepatkan urusan pengeluaran permit pemindahan ternakan bagi tujuan mencegah, mengawal dan membasmi penyakit ternakan dan zoonotik.

## **3.0 LATAR BELAKANG PROJEK**

- i. Mesyuarat Dasar Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor (DVS Selangor) telah meluluskan Kertas Cadangan Pendaftaran Pedagang Ruminan Selangor. Pada 7 Mac 2017, satu sesi perjumpaan bersama wakil Persatuan Penternak Ruminan dan pedagang ruminan Negeri Selangor telah diadakan bagi menerangkan prosedur pendaftaran, menyampaikan informasi semasa berkaitan syarat-syarat pemindahan ternakan ruminan serta berkongsi isu dan pendapat berkaitan kawalan penyakit.
- ii. Semua Pegawai Veterinar/Penolong Pegawai Veterinar/Pembantu Veterinar di Daerah dilantik sebagai Pendaftar. Setiap individu yang menjalankan aktiviti perdagangan ternakan ruminan dan mempunyai kandang perlu berdaftar sebagai pedagang. Keperluan minimum bagi pendaftaran ialah mempunyai kandang dan biosekuriti yang baik.
- iii. Setiap kandang akan dijalankan pemeriksaan oleh pendaftar di daerah masing-masing. Pendaftar akan menyemak permohonan dan menjalankan lawat siasat kandang dalam tempoh 10 hari bekerja. Sijil pendaftaran diberikan kepada pedagang yang memenuhi syarat jabatan.
- iv. Pedagang perlu menamakan dua (2) orang wakil yang diberi kebenaran bagi urusan permit pemindahan ternakan.

#### **4.0 ISU / PERMASALAH PROJEK / SEBAB PROJEK DIJALANKAN**

- i. Permit pemindahan ternakan disalahguna bagi tujuan penyembelihan dan pemeliharaan. Pedagang memohon permit bagi tujuan penyembelihan sedangkan ternakan yang dibawa masuk adalah untuk tujuan pemeliharaan.
- ii. Pedagang enggan mematuhi syarat saringan penyakit yang ditetapkan oleh jabatan bagi permohonan permit pemindahan, Salah satu faktor yang menyumbang kepada berlakunya wabak penyakit seperti penyakit Kuku dan Mulut (FMD) adalah disebabkan oleh pemindahan ternakan tanpa dokumen perjalanan yang sah.

#### **5.0 MATLAMAT PROJEK**

- i. Pendaftaran ini mempercepatkan tempoh pengeluaran permit pemindahan kepada /penternak/pedagang yang telah berdaftar.
- ii. Pendaftaran ini juga membolehkan DVS Selangor mengenalpasti kawasan **hotspot** (tumpuan ternakan) seterusnya dapat mengambil tindakan pantas dalam kawalan dan pembasmian wabak.

#### **6.0 INOVASI SEBELUM DAN SELEPAS PROJEK**

##### **6.1 SEBELUM PROJEK**

- i. Permohonan permit pemindahan masuk ternakan ruminan bagi pedagang yang tidak berdaftar akan mengambil masa sekurang-kurangnya 2 minggu sebelum diluluskan. Pedagang perlu membuat permohonan di Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah dan lawat siasat kandang bagi setiap permohonan akan dijalankan.

##### **6.2 SELEPAS PROJEK**

- i. Permohonan permit pemindahan masuk ternakan ruminan yang lengkap akan diluluskan serta merta sekiranya pemohon adalah pedagang yang berdaftar dengan PETERS.

## 7.0 OUTPUT / OUTCOME / IMPAK PROJEK

1. Tempoh masa kelulusan permit import dipendekkan daripada 2 minggu kepada serta merta bagi penternak/pedagang (traders) yang tersenarai dalam PETERS.
2. Kejadian kes Penyakit Kuku Dan Mulut (FMD) berkurangan kejadian daripada 11 kes pada tahun 2016 kepada 4 kes pada tahun 2017.
3. Kos kawalan penyakit dapat dikurangkan. Penjimatan kos mengurus susulan penurunan kos semasa wabak. Anggaran kakitangan yang terlibat bagi kerja-kerja kawalan kebiasaannya melibatkan 6 kumpulan yang terdiri daripada 24 orang kakitangan teknikal yang melibatkan peruntukan elaun lebih masa RM5040.00 (Kelayakan tuntutan bagi seorang Penolong Pegawai Veterinar G29 adalah RM12.00 sejam berdasarkan kadar pengiraan hari rehat(siang). Manakala anggaran kos vaksin dan ubat-ubatan bagi tujuan kawalan dan pembasmian adalah RM 8300.00. Dengan penurunan wabak, jumlah kos kawalan yang diperlukan 11 kes wabak, RM91,300.00 dapat dikurangkan kepada RM33,320.00.
4. Pedagang lebih bersedia untuk mematuhi syarat-syarat pemindahan ternakan yang telah ditetapkan oleh jabatan dalam pengawalan penyakit ternakan kerana ianya berkait dengan perniagaan yang sedang dijalankan.
5. Pelaksanaan pendaftaran pedagang ternakan ruminan memudahkan jabatan untuk mengenalpasti semua pedagang yang aktif dalam aktiviti memindah masuk ternakan ke negeri Selangor bagi tujuan sembelih atau peliharaan. Selain itu dapat menentukan hot spot (kawasan 5 km radius) dari traders bagi tujuan pemvaksinan penyakit kuku dan mulut (FMD). Langkah pencegahan bagi mengelakkan berlakunya wabak dan tindakan proaktif yang boleh dilaksanakan semasa wabak berlaku dan memastikan APTVM dipatuhi.

## 8.0 GAMBAR / ILUSTRASI BERKAITAN

## **PENDAFTARAN PEDAGANG RUMINAN DI JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI SELANGOR**

### **1.0 PENGENALAN**

Pendaftaran Pedagang Ruminan anjuran Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor (DVS Selangor) ini adalah satu sistem yang bertujuan memastikan semua pedagang ternakan ruminan di negeri Selangor didaftarkan di bawah DVS Selangor. Ianya adalah untuk memperkemas lagi urusan pengeluaran permit pemindahan ternakan bagi tujuan pencegahan, kawalan dan pembasmian penyakit ternakan dan zoonotik. Satu sesi perjumpaan bersama wakil Persatuan Penternak Ruminan dan Pedagang Ternakan Negeri Selangor telah diadakan pada **6 Mac 2017** ini dikuatkuasakan di bawah **PERINTAH KAWALAN DAN PEMBASMIAN CONTAGIOUS ABORTION SERTA PENYAKIT KUKU DAN MULUT (NEGERI SELANGOR) 2001, PERINTAH DI BAWAH SEKSYEN 36(1)(C)**. Program ini bertujuan menyampaikan informasi semasa berkaitan syarat-syarat pemindahan ternakan dalam kawalan penyakit ternakan khususnya Penyakit Kuku & Mulut (FMD), Brusellosis dan Tuberkulosis.

### **2.0 DEFINISI**

- 2.1 Pedagang ternakan ruminan  
Syarikat atau individu yang menjalankan aktiviti import/eksport ternakan ruminan hidup/karkas di dalam daerah, antara daerah di Selangor dan antara negeri-negeri di dalam Semenanjung Malaysia.
- 2.2 Kandang (*holding yard*)  
Tempat menyimpan ternakan hidup
- 2.3 Pendaftar  
Semua pegawai teknikal Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah di Selangor yang terdiri daripada Pegawai Veterinar, Penolong Pegawai Veterinar dan Pembantu Veterinar.
- 2.4 Ternakan ruminan  
Lembu, kerbau, kambing, bebiri dan rusa.
- 2.5 Karkas  
Badan haiwan yang telah disembelih termasuklah daging, organ atau mana-mana bahagian lain ternakan.

### **3.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PENDAFTARAN PEDAGANG TERNAKAN RUMINAN**

- 3.1 Setiap pedagang ternakan perlu mempunyai kandang sama ada kepunyaan sendiri ataupun disewa.
- 3.2 Kandang/ladang perlu mempunyai kawalan biosekuriti yang memuaskan.
- 3.3 Setiap pedagang dan kandang ternakan di dalam negeri Selangor perlu berdaftar kepada DVS Selangor.
- 3.4 Sekiranya pedagang menyewa kandang bagi tujuan menyimpan ternakan, perlu didaftar kepada DVS Selangor.
- 3.5 Lokasi kandang hendaklah berada dalam jarak melebihi 20 meter dari bahu jalan dan semua tempat-tempat awam.
- 3.6 Setiap pedagang mesti menyimpan rekod pemindahan keluar/masuk ternakan untuk semakan pihak DVS Selangor apabila diperlukan.
- 3.7 Salinan sijil pendaftaran perlu dipamerkan di kandang ternakan.
- 3.8 Semua ternakan yang berada di kandang mestilah disembelih dalam tempoh 30 hari dari tarikh dibawa masuk.
- 3.9 Mana-mana pedagang ternakan boleh disabitkan kesalahan dan diambil tindakan undang-undang di bawah Seksyen 36(7) Akta Binatang 1953, sekiranya didapati telah melanggar atau tidak mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

### **4.0 KAEDAH PELAKSANAAN PENDAFTARAN PEDAGANG TERNAKAN RUMINAN**

- 4.1 Tempat mendaftar
  - 4.1.1 Pedagang dan kandang perlu didaftarkan di Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah (PPVD) di mana lokasi kandang tersebut berada.
- 4.2 Pegawai pendaftar
  - 4.2.1 Semua pegawai teknikal PPVD Selangor yang terdiri daripada Pegawai Veterinar, Penolong Pegawai Veterinar dan Pembantu Veterinar yang dilantik sebagai pegawai pendaftar.
- 4.3 Borang permohonan pendaftaran
  - 4.3.1 Pendaftaran perlu menggunakan Borang JPVS/PPR/17. Pemohon perlu melengkapkan semua maklumat yang diperlukan.

#### 4.4 Kelulusan

- 4.4.1 Pegawai pendaftar perlu menjalankan lawat siasat ke atas lokasi kandang dan melengkapkan laporan lawat siasat di dalam borang JPVS/PPR/17.
- 4.4.2 Sekiranya permohonan lulus, pegawai pendaftar hendaklah menghantar Borang JPVS/PPR/17 kepada Bahagian Kesihatan Veterinar (BKV) dan satu salinan borang akan difailkan.
- 4.4.3 BKV akan mencetak sijil untuk ditandatangani oleh Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor dan menyerahkan kepada pedagang melalui PPVD.
- 4.4.4 Pedagang hendaklah menamakan wakil bagi urusan permit didalam ruang yang disediakan di belakang sijil dan mendapatkan pengesahan PPVD.
- 4.4.5 Pedagang perlu membawa salinan sijil yang disahkan semasa urusan permit.
- 4.4.6 Sijil akan dikeluarkan dalam tempoh satu bulan dari tarikh permohonan dalam borang JPVS/PPR/17.

#### 4.5 Pemantauan

- 4.5.1 PPVD perlu menjalankan pemantauan menggunakan borang "Pemantauan Stok Ternakan Di Holding Yard Pedagang/Penternak" dan memastikan ternakan tersebut disembelih dalam tempoh 30 hari.
- 4.5.2 Sekiranya terdapat sebarang ketidakakuran, PPVD perlu membuat laporan polis dan panjangkan laporan tersebut kepada Bahagian Penguatkuasa dan BKV, DVS Selangor

### 5.0 MEMPERBAHARUI SIJIL PENDAFTARAN

- 5.1 Tempoh sah sijil pendaftaran ialah setahun dari tarikh sijil dikeluarkan.
- 5.2 Permohonan untuk memperbaharui sijil pendaftaran perlu dikemukakan selewat-lewatnya 60 hari sebelum tarikh tamat tempoh.
- 5.3 Pegawai pendaftar perlu menjalankan lawat siasat ke atas lokasi kandang menggunakan **Borang Permohonan Pembaharuan Pendaftaran Pedagang Ruminan JPVS/PPR/17(2)**.
- 5.4 Pegawai pendaftar hendaklah menghantar borang yang telah lengkap kepada Bahagian Kesihatan Veterinar (BKV) dan salinan borang hendaklah difailkan di PVD.
- 5.5 BKV akan menyemak borang permohonan pembaharuan dan mencetak sijil bagi premis yang diluluskan sahaja untuk ditandatangani oleh Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor.

- 5.6 BKV akan meyerahkan sijil pendaftaran kepada pedagang melalui PPVD dan pedagang hendaklah menamakan wakil bagi urusan permit didalam ruang yang disediakan di belakang sijil dan mendapatkan pengesahan PPVD.
- 5.7 Pedagang perlu membawa salinan sijil yang sah semasa urusan permit.

No.Sijil: 025/17



**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR  
NEGERI SELANGOR**

*Sijil Pendaftaran*

Adalah dengan ini diperakui bahawa Pedagang yang dinyatakan di bawah ini telah berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor

No. Pendaftaran/ID Premis : B02366

Nama Pedagang : ABD. MALIK B. SUTARMAR (PERNIAGAAN  
ENDAH ENTERPRISE)

No. Kad Pengenalan : 860426-10-5089

No. Telefon : 019-3958055

Alamat Berdaftar : 194, Jalan Saga Kampung Endah, 42700  
Banting, Selangor

Alamat kandang : Lot 2547, Jalan Penantian, Kampung Kanchong  
Tengah, 42700 Banting, Selangor

Tarikh Mula Berkuatkuasa : 13 Jun 2018

Tarikh Tamat Tempoh : 12 Jun 2019

- Pendaftaran ini hendaklah diperbaharui selewat-lewatnya 60 hari sebelum tarikh tamat tempoh




  
DR. AKMA BINTI NGAH HAMID S.I.S  
Pegawai  
Jabatan Perkhidmatan Veterinar  
Negeri Selangor

**PROSES KERJA PENDAFTARAN PEDAGANG TERNAKAN RUMINAN  
NEGERI SELANGOR**

<b>Tanggungjawab</b>	<b>Tindakan</b>	<b>Dokumen berkaitan</b>
Pendaftar	1. Terima borang permohonan dari pedagang.	Borang JPVS/PPR/17
Pendaftar	2. Pastikan semua maklumat pemohon diisi dengan lengkap	
Pendaftar	3. Jalankan lawat siasat ke atas lokasi kandang dan sediakan laporan lawat siasat	
Pendaftar	4. Dapatkan pengesahan laporan lawat siasat daripada Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah	
Pendaftar	5. Buat salinan borang dan failkan	
Pendaftar	6. Hantar borang kepada Bahagian Kesihatan Veterinar	
BKV	7. Cetak sijil pendaftaran dan dapatkan tandatangan pengarah.	Sijil pendaftaran
BKV	8. Hantar sijil kepada pedagang melalui PVD	
Pendaftar	9. Lengkapkan ruang penama bagi urusan permit di belakang sijil dan disahkan oleh PPVD.	
Pendaftar	10. Serahkan sijil pendaftaran kepada pedagang dan simpan salinan sijil.	












## CARTA ALIR PENDAFTARAN PEDAGANG TERNAKAN RUMINAN

Tanggungjawab	Proses Kerja	Borang/Dokumen
<p style="text-align: center;"><b>Pendaftar</b></p>	<div style="display: flex; flex-direction: column; align-items: center;">  <pre> graph TD     Start((Mula)) --&gt; Step1[ ]     Step1 --&gt; Step2[ ]     Step2 --&gt; Step3[ ]     Step3 --&gt; Step4[ ]     Step4 --&gt; Step5[ ]     Step5 --&gt; Step6[ ]     Step6 --&gt; Step7[ ]     Step7 --&gt; Step8[ ]     Step8 --&gt; End((Tamat))                     </pre> <p>Mula</p> <p>Terima borang permohonan yang lengkap daripada pedagang</p> <p>Jalankan lawat siasat dan sediakan laporan</p> <p>Dapatkan pengesahan laporan lawat siasat dari PPVD, buat salinan dan failkan</p> <p>Hantar borang kepada Bahagian Kesihatan Veterinar</p> </div>	<p>Borang permohonan JPVS/PPR/17</p>
<p style="text-align: center;"><b>BKV</b></p>	<p>Serahkan sijil kepada PVD</p>	<p>Sijil pendaftaran</p>
<p style="text-align: center;"><b>BKV</b></p>	<p>Cetak sijil pendaftaran dan dapatkan tandatangan Pengarah</p>	
<p style="text-align: center;"><b>Pendaftar</b></p>	<p>Hantar sijil kepada pedagang</p>	
	<p>Lengkapkan ruangan penama di belakang sijil dan sahkan</p>	
	<p style="text-align: center;">Tamat</p>	

**PROSES KERJA PEMBAHARUAN PENDAFTARAN PEDAGANG  
TERNAKAN RUMINAN NEGERI SELANGOR**

<b>Tanggungjawab</b>	<b>Tindakan</b>	<b>Dokumen berkaitan</b>
Pendaftar	1. Jalankan lawat siasat ke atas lokasi kandang menggunakan borang permohonan pembaharuan pendaftaran pedagang.	Borang JPVS/PPR/17(2)
Pendaftar	2. Lengkapkan borang dan dapatkan pengesahan laporan lawat siasat daripada Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah	
Pendaftar	3. Buat salinan untuk simpanan PVD dan hantar borang kepada Bahagian Kesihatan Veterinar	
BKV	4. Cetak sijil pendaftaran dan dapatkan tandatangan pengarah.	Sijil pendaftaran
BKV	5. Hantar sijil kepada pedagang melalui PVD	
Pendaftar	6. Lengkapkan ruang penama bagi urusan permit di belakang sijil dan disahkan oleh PPVD.	
Pendaftar	7. Serahkan sijil pendaftaran kepada pedagang dan simpan salinan sijil.	

## CARTA ALIR PEMBAHARUAN PENDAFTARAN PEDAGANG TERNAKAN RUMINAN NEGERI SELANGOR

Tanggungjawab	Proses Kerja	Borang/Dokumen			
		Mula			
		<p>Jalankan lawat siasat dan lengkapkan borang</p>		<p>Borang Permohonan Pembaharuan Pendaftaran Pedagang Ruminan JPVS/PPR/17(2)</p>	
		<p>Dapatkan pengesahan laporan lawat siasat daripada PPVD, buat salinan dan failkan</p>			
		<p>Hantar borang kepada Bahagian Kesihatan Veterinar</p>			
		<p>Semak borang dan cetak sijil bagi premis yang lulus serta dapatkan tandatangan Pengarah</p>			<p>Sijil pendaftaran</p>
		<p>Serahkan sijil kepada PVD</p>			
		<p>Lengkapkan ruangan penama di belakang sijil dan sahkan</p>			
		<p>Hantar sijil kepada pedagang dan simpan salinan</p>			
		Tamat			



BORANG JPVS/PPR/17

No.Pendaftaran/ID Premis:.....

(Diisi oleh Pemohon)



**PERMOHONAN PENDAFTARAN PEDAGANG RUMINAN NEGERI SELANGOR**

**1. MAKLUMAT PEMOHON**

Nama Syarikat:

Alamat Syarikat:

Nama Pemohon:

No.Kad Pengenalan:

Alamat surat menyurat:

No. Tel:

No.Faksimili:

Email:

**2. MAKLUMAT URUSAN PEDAGANG**

\*Sila tanda mana yang berkenaan

Pengimport

<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

Penyembelih

<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

Peraih

Penjual

Pembekal

Penternak

Lain-lain (nyatakan):.....

**2. JENIS TERNAKAN:**

Lembu

<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

Kambing

<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

Kerbau

Bebiri

Lain-lain (nyatakan):.....

**3. MAKLUMAT KANDANG:**

a) Alamat Kandang:

b) Jenis Kandang:

**Binaan**

**Pagar**

**Lantai**

Kayu

<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

Ada

<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

Ada

<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

Konkrit

Tiada

Tiada

Lain-lain (nyatakan):.....

**Bumbung**

**Perparitan**

**Kolam Kumbahan**

Ada

<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

Ada

<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

Ada

<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

Tiada

Tiada

Tiada

PENDAFTARAN PEDAGANG RUMINAN NEGERI SELANGOR

Kapasiti Kandang (Ekor ): \_\_\_\_\_

Keluasan (Lebar x Panjang) : \_\_\_\_\_ (kaki persegi)

Tandatangan Pemohon:

Tarikh:.....

---

**UNTUK KEGUNAAN RASMI JABATAN (Diisi oleh Pendaftar)**

Tarikh Permohonan diterima: .....

Tandatangan dan Cop Pendaftar:

Tarikh: .....

---

**LAPORAN LAWAT SIASAT: (Diisi oleh Pendaftar)**

Tarikh lawat siasat:.....

**HASIL PEMERIKSAAN DAN SYOR (Diisi oleh Pendaftar)**

Sesuai

Tidak Sesuai

Catatan :-----

---

**KEPUTUSAN PERMOHONAN: (Diisi oleh Pendaftar)**

Lulus

Gagal

Disahkan oleh:

(Pegawai Veterinar Daerah)

Tanda Tangan dan Cop:

Tarikh:

- Borang yang telah lengkap perlu dihantar ke Bahagian Kesihatan Veterinar



BORANG JPVS/PPR/17(2)

No.Pendaftaran/ID Premis:.....

(Diisi oleh Pendaftar)



**PERMOHONAN PEMBAHARUAN PENDAFTARAN PEDAGANG RUMINAN TAHUN .....**

**1. MAKLUMAT PEDAGANG**

Nama Syarikat:

Alamat Syarikat:

Nama Pemohon:

No.Kad Pengenalan:

Alamat surat menyurat:

No. Tel:

No.Faksimili:

Email:

**2. MAKLUMAT URUSAN PEDAGANG**

\*Sila tanda mana yang berkenaan

Pengimport

<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

Penyembelih

<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

Peraih

Penjual

Pembekal

Penternak

Lain-lain (nyatakan):-----

**2. JENIS TERNAKAN:**

Lembu

<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

Kambing

<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

Kerbau

Bebiri

Lain-lain (nyatakan):-----

**3. MAKLUMAT KANDANG:**

a) Alamat Kandang:

b) Jenis Kandang:

**Binaan**

**Pagar**

**Lantai**

Kayu

<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

Ada

<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

Ada

<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

Konkrit

Tiada

Tiada

Lain-lain (nyatakan):-----

**Bumbung**

**Perparitan**

**Kolam Kumbahan**

Ada

<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

Ada

<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

Ada

<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

Tiada

Tiada

Tiada